

Metode Dakwah JHEAINS dan Penerimaannya dalam Konteks Penyampaian Ilmu Terhadap Masyarakat Islam Kadazandusun di Papar Sabah

Mohd Hafizullah bin Ismail^{1, a}, Mohd Khairul Anuar bin Ismail^{2, b},
Nik Abdul Aziz bin Ismail^{3, c}, Nur Izzatul Husna binti Burhan^{4, c}

¹Universiti Malaya, Malaysia

²Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia

^{3, 4}Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

^ahefiz08@gmail.com, ^banuar785@kelantan.uitm.edu.my,
^cnikaziiz@gmail.com, ^dheynahusna97@gmail.com

Kata Kunci: Metod dakwah, Penyampaian Ilmu, Kadazandusun

Abstrak. Malaysia sebuah Negara unik yang mempunyai pelbagai etnik antaranya etnik Kadazandusun. Kepelbagaian ini menyebabkan para pendakwah perlu bijak memilih metode yang sesuai bagi melaksanakan dakwah dan memahami sejauhmana penerimaan penyampaian dakwahnya. Manakala Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah merupakan badan yang bertanggungjawab memastikan dakwah berjaya. Bertepatan dengan itu sebuah kajian bertajuk metode dakwah JHEAINS dan penerimaannya dalam konteks penyampaian ilmu terhadap masyarakat Islam Kadazandusun di Papar Sabah dilaksanakan bertujuan mengetahui metode dakwah JHEAINS dan menganalisis penerimaannya dalam konteks penyampaian ilmu. Kajian ini dijalankan melalui kajian perpustakaan, temubual dan soal selidik. Hasil kajian menunjukkan JHEAINS telah menjalankan beberapa pendekatan yang baik dan responden dalam kalangan Kadazandusun bersetuju menerima pendekatan dakwah JHEAINS dalam konteks penyampaian ilmu.

Pengenalan

Dakwah dalam konteks islah sesuatu yang penting dalam meninggikan syiar Islam. Abdul Karim Zaidan menjelaskan *islah* ialah satu proses dakwah terhadap orang Islam yang menekankan tentang usaha untuk membaiki keadaan orang Islam sama ada dari sudut akidah, akhlak, muamalat, kemasyarakatan, ekonomi dan sebagainya yang boleh membawa kepada peningkatan mutu umat Islam.¹ Fathi Yakan dalam bukunya bertajuk *Kayfā Nad’ū Ila Islām* menjelaskan pendakwah yang berjaya ialah pendakwah yang memberi sesuatu berdasarkan keperluan sasarannya.² Syekh Ali Mahfuz pula menjelaskan dakwah dilakukan dalam bentuk yang tidak sama berdasarkan perbezaan sasaran.³ Penekanan tesebut jelas menunjukkan dakwah memerlukan metode yang sesuai. Di Sabah kepelbagaian etnik ini merupakan sesuatu yang lumrah. Berdasarkan laporan laman web rasmi kerajaan negeri Sabah, terdapat 33 kumpulan peribumi yang wujud di Sabah.⁴ Etnik Kadazandusun merupakan etnik yang teramai di Sabah. JHEAINS pula adalah sebuah badan yang bertanggungjawab memastikan perkembangan dan pemantapan masyarakat Islam berlaku. Justeru kajian ini memberi fokus kepada metode dakwah yang dilakukan oleh JHEAINS terhadap etnik Kadazandusun Muslim serta penerimaannya.

Objektif Kajian

Kajian dijalankan adalah bertujuan:

- i. Untuk mengetahui metode dakwah yang dilakukan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah terhadap masyarakat Islam Kadazandusun dalam konteks penyebaran ilmu.
- ii. Untuk menganalisis penerimaan masyarakat Islam Kadazandusun terhadap metode dakwah yang dilaksanakan oleh JHEAINS.

Kajian Lepas

Kajian Abdul Munir bin Haji Ismail (2009) mendapati tahap penguasaan Islam dalam kalangan orang pekak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah sederhana, walaupun begitu mereka mempunyai komitmen yang tinggi dalam perkara yang diamalkan. Hasil kajian juga menunjukkan program dakwah lebih mendapat sambutan apabila penganjur menyediakan kemudahan asas, makanan, pengangkutan, pengisian yang menarik, dan kehadiran tokoh terkemuka. Selain itu, kajian mendapati penceramah yang berbeza-beza, penceramah tidak memahami budaya orang pekak, berlaku perubahan kelas dan faktor usia merupakan faktor program dakwah tidak diminati dalam kalangan orang pekak.

Manakala Suzanah binti Nilam (2012) mendapati program dakwah yang dilaksanakan Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA) tidak hanya tertumpu kepada sasaran dakwah bahkan juga di kalangan kakitangan USIA. Banyak strategi yang dilaksanakan antaranya ialah memahami adat setempat, mengambil ahli USIA dalam kalangan mereka yang ternama, strategi ziarah kampung, konsep turun padang, *blue print* bagi menjayakan perancangan murtad sifar. Manakala dalam konteks modul program USIA, kajian menunjukkan USIA merancang modul tersendiri namun perlaksanaannya tidak beberapa ketara. Kajian juga menunjukkan kurangnya pendakwah wanita, faktor geografi negeri yang berbukit, perbezaan budaya, masalah kewangan merupakan cabaran dan permasalahan yang ditempuh oleh USIA.

Syarul Azman bin Shahrudin (2006) pula mengkaji keberkesanan metode dakwah jemaah Tabligh Masjid Jame’ Bandar Baru, Sri Petaling, Kuala Lumpur pula mendapati beberapa metode yang digunakan antaranya ialah *Khuruj, ta’lim wa ta’ allum, bayan, tasykil*, ziarah, musyawarah, dan laporan kegiatan amal atau *karguzari*. Hasil kajian ini menunjukkan perubahan yang sangat berkesan kepada ahli yang mengikut Jemaah Tabligh iaitu yakin terhadap akhirat, yakin terhadap ketentuan Allah (S.W.T) dan yakin bahawa Rasulullah (S.A.W) dan sahabat sahaja yang boleh dijadikan teladan. Hasil kajian juga menunjukkan kesedaran tentang perkara syariat meningkat. Hasil kajian juga menunjukkan rasa sangat berkesan dalam konteks akhlak contohnya perasaan hormat guru, perasaan sayang kepada semua, penyabar, tanggungjawab melaksanakan amal makruf dan nahi mungkar dibuat.

Apa yang membezakan kajian pengkaji dengan kajian-kajian lalu ialah kajian ini memfokuskan kepada metode dakwah JHEAINS terhadap masyarakat Islam Kadazandusun dalam konteks penyebaran ilmu serta menganalisis penerimaan metod JHEAINS.

Metode Kajian

Ghazali Darussalam dalam tesisnya menjelaskan kebiasaanya dalam sesuatu kajian lapangan mengandungi metode tertentu iaitu soalselidik, metode temu bual dan metode pemerhatian.⁵ Dalam kajian ini pengkaji hanya menfokus terhadap dua metode utama itu metode melalui temu bual dan soal selidik. Metode soal selidik dianalisis secara kuantitatif manakala metode temubual dianalisis secara kualitatif. Bagi mengenal pasti penggunaan metode dakwah JHEAINS, pengkaji menggunakan Purposive Sampling iaitu pemilihan melalui sampel khusus. Beberapa kriteria telah digariskan bagi memastikan responden yang dipilih bersesuaian dengan kajian ini iaitu pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS), pendakwah masyarakat Muslim (penggerak masyarakat) atau sejawatan dengannya. Bersesuaian dengan kriteria tersebut 17 responden telah dipilih. Manakala bagi menganalisis penerimaan metode dakwah pula, pemilihan dibuat berdasarkan bangsa atau keturunan dan agama dalam kalangan penduduk di Papar, Sabah. Dari sudut bangsa pengkaji memilih responden yang berketurunan Kadazandusun manakala dari sudut agama pula pengkaji memilih responden yang beragama Islam. Selain itu kaedah atau teknik yang digunakan dalam kajian ini ialah teknik persampelan secara rawak. Kaedah yang aplikasi dalam kajian ini bersesuaian dengan struktur geografi yang luas dan populasi penduduk Islam Kadazandusun yang bertebaran di daerah Papar Sabah. Sehubungan dengan itu 360 responden terlibat dalam kajian ini besesuaian jumlah populasi masyarakat kadazandusun islam di Papar iaitu 4748 orang. Jumlah pemilihan populasi yang digunakan juga bertepatan dengan Formula atau jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan.⁶

Hasil Analisis Metode Dakwah JHEAINS Dalam Konteks Penyampaian Ilmu

i. Metode Pemilihan Pendakwah dan Pemerkaasaannya. JHEAINS menjalankan pemilihan pendakwah dalam dua aspek iaitu pemilihan pendakwah dalam konteks pendidikan formal dan pemilihan pendakwah dalam konteks yang tidak formal. Bagi pemilihan pendakwah formal, Zubaidah binti Jamali menjelaskan penghasilan guru yang berkualiti ialah hasil daripada pemilihan guru yang tepat, untuk itu guru-guru kelolaan JHEAINS dipilih dan dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah melalui proses temuduga yang dijalankan oleh Sektor Penjawat Awam (SPA) bersama

1 'Abd Karīm Zaidan, 1976, hlm. 262.
2 Fathī Yakan, 2001, hlm. 6.
3 Ali Mahfuz, 2001, hlm. 6.
4 "Mengenai Sabah" Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, dicapai 24.2.2016, www.sabah.gov.my

5 Ghazali bin Darussalam, 2003, hlm. 152.
6 Krejcie, R. V. & Morgan, D.W., 1970, hlm. 608-619.

dengan wakil JHEAINS.⁷ Seajar dengan pandangan tersebut Hamdani bin Omar menjelaskan kebanyakan guru yang dipilih terdiri daripada mereka yang mempunyai kelulusan diploma ke atas.⁸ Aslina binti Hj Masri pula menyatakan kebanyakan guru yang dipilih adalah mereka yang mempunyai kelulusan dan ilmu agama.⁹ Dalam konteks pemilihan pendakwah secara tidak formal pula, JHEAINS mengadakan sesi temuduga untuk pelantikan imam dan guru *ta'mir* Masjid. Mohd Sidik Awang Adi menjelaskan guru *ta'mir* masjid dipilih dalam kalangan mereka yang mempunyai kelayakan dan mempunyai kebolehan berceramah atau mengajar. Selain itu kemahiran-kemahiran sampingan seperti pengalaman berceramah atau berkhotbah, kemahiran menggunakan bahasa kedaerahan dan kesenian Islam juga dilihat sebagai nilai tambah bagi pemilihan guru *ta'mir*. Dalam konteks pemerksaan pendakwah beberapa perkara dilaksanakan. Bagi pendidikan formal, JHEAINS memperkasakan pendakwah melalui kursus. Zubaidah binti Jamali menjelaskan guru yang tidak mempunyai diploma pendidikan diwajibkan mengikuti kursus perguruan supaya mempunyai kemahiran mengajar yang tinggi. Pandangan ini dipersetujui oleh Awang Omar bin Gana yang menjelaskan guru JHEAINS disarankan mengikuti kursus perguruan (KDC) untuk di sahkan dalam perjawatan.¹⁰ Selain itu, Siti Nur Fadzilah binti Mat Lin menjelaskan JHEAINS juga menyediakan kursus khas pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran yang prestasinya menurun. Kaedah-kaedah seperti kaedah mengajar, kaedah menghafaz dan kaedah menjawab peperiksaan ditekankan dalam kursus ini bagi meningkatkan prestasi pelajar.¹¹ Bagi memperkasakan pendakwah (guru) JHEAINS juga melaksanakan pemantauan. Menurut Zubaidah binti Jamali, unit kenaziran JHEAINS melaksanakan pemantauan dibantu penyelia bahagian yang dilantik bagi memantapkan pendidikan di sekolah JHEAINS. Manakala dalam konteks pendidikan tidak formal pula, JHEAINS menyediakan, kursus seminar atau program-program berbentuk ilmiah. al-Amin bin Majok menjelaskan pemerksaan guru *ta'mir* dibuat melalui seminar-seminar yang mendedahkan isu semasa. Manakala bagi imam masjid pula, kursus seperti pengucapan awam, kursus ICT, kursus bahasa dan etnik dilaksanakan bagi memperkemaskan dakwah yang dilakukan.¹² Penekanan tentang kursus, bengkel bagi memantapkan pengajar atau pendakwah sangat bertepatan dengan pendapat yang dikemukakan oleh Azizee Hasan yang menjelaskan setiap da'ie perlu mempersiapkan dirinya dengan pelbagai penguasaan tentang ilmu syarak. jika dia ditugaskan untuk melaksanakan dakwah kepada kelompok ikhtisas tertentu maka paling baik dia mempelajari ikhtisas tersebut dan berusaha menambah pengetahuan berkaitan dengannya.¹³

ii. Metode Pemilihan Masa dan Lokasi. Pemilihan masa dan lokasi yang sesuai adalah metode yang amat penting dalam memastikan program dakwah berjaya. Masnor bin Mansor menjelaskan JHEAINS sering kali mengadakan mesyuarat sebelum memutuskan sesuatu program dilaksanakan. Hari-hari tertentu atau hari minggu dijadikan antara pilihan supaya program yang dijalankan mendapat sambutan.¹⁴ Menurut Abdul Razak bin Abdul Rahman pula, pihak masjid Sabindo Papar kerap melaksanakan aktiviti pada waktu malam berbanding pada waktu siang disebabkan kebanyakan penduduk setempat bekerja dan belajar. Beliau juga menjelaskan pemilihan waktu ini dibuat bertujuan untuk memudahkan ahli kariah menghadiri aktiviti yang dijalankan oleh masjid.¹⁵ Jaafar bin Abdullah pula menjelaskan masjid daerah Papar mengadakan kelas al-Quran bagi wanita dewasa pada waktu pagi. Menurut beliau pemilihan masa pada waktu pagi bagi golongan ini sangat bersesuaian dengan kelapangan masa mereka.¹⁶ Manakala bagi pemilihan lokasi pula, Masnor bin Mansor menjelaskan JHEAINS di daerah Papar pemilihan lokasi dibuat bergantung kepada kesesuaian program. Bagi program yang berskala besar contohnya sambutan Maal Hijrah, Maulidul Rasul, JHEAINS memilih beberapa kawasan seperti dewan-dewan utama, padang daerah Papar, dataran tamu daerah Papar. Manakala bagi program berskala kecil seperti ceramah, kuliah dan kursus, pihak JHEAINS memilih masjid-masjid, sekolah agama negeri dan seumpamanya.¹⁷ Ini bersesuaian dengan pendapat Azizee Hasan yang menjelaskan para pendakwah perlu bijak memilih masa dalam

melaksanakan amal dakwah. Menurut beliau lagi memilih masa yang sesuai, pada sasaran yang bersesuaian di tempat yang sesuai adalah pra syarat menjayakan seruan dakwah.¹⁸

iii. Metode Melalui Pemilihan Subjek atau Tajuk. JHEAINS juga melaksanakan pemilihan Subjek melalui pendidikan formal dan tidak formal. Dalam konteks pendidikan formal, Zubaidah binti Jamali menjelaskan JHEAINS menggunakan sukatan kebangsaan bagi mata pelajaran akademik dan sukatan al-Azhar untuk mata pelajaran agama di peringkat menengah. Sukatan agama di sekolah rendah pula digubal secara khusus dengan modulnya tersendiri. Pengeluaran modul tersendiri membolehkan JHEAINS meletakkan bab atau tajuk yang penting.¹⁹ Pandangan ini bertepatan dengan pandangan Najion bin Jamil menjelaskan skop pendidikan formal diterapkan oleh JHEAINS selari dengan struktur pendidikan nasional.²⁰ Manakala dalam konteks pendidikan tidak formal Zalloha binti Ahmad menjelaskan pihak JHEAINS memikirkan permasalahan yang berlaku di daerah masing-masing. Permasalahan tersebut dianalisis dan dilaksanakan program yang sesuai. Contohnya sekiranya masyarakat di sesuatu daerah banyak melakukan perkara khurafat maka program berbentuk pemurnian akidah dilaksanakan di daerah tersebut.²¹ Pandangan ini juga dikhabarkan oleh Siti Khajar @ Hajar binti Makmud iaitu JHEAINS menjalankan program yang berkala mengikut fokus masing-masing melalui modul yang berbeza. Di setengah tempat dilaksanakan program terhadap remaja maka modul yang digunakan ialah pembangunan remaja manakala di setengah yang lain fokus terhadap kanak-kanak maka modul yang digunakan ialah modul perkhidmatan kanak.²² Najion bin Jamil juga menjelaskan JHEAINS memilih tajuk-tajuk yang sesuai untuk disampaikan kepada masyarakat sama ada melalui forum, kuliah atau khotbah.²³ Perkara yang sama dapat dilihat dalam mimbar khotbah JHEAINS.²⁴ Pandangan ini bersesuaian dengan Dr Muhammad bin Sa'ad bin Syaqr pula menjelaskan di antara perkara yang penting bagi seorang da'ie adalah memilih tema yang sesuai dengan zaman waktu dan tempat sehingga menghasilkan nilai yang berguna.²⁵

iv. Metode Pemilihan Isi JHEAINS. Pemilihan Isi-isi yang jelas juga dilaksanakan para pendakwah JHEAINS. Menurut Masnor bin Mansor para pendakwah JHEAINS menekankan isi-isi berkaitan aqidah, *fardu ain* dan *fardu kifayah* di samping akhlak. Isu-isu ini bersesuaian dan penting dikuasai oleh masyarakat Muslim. Menurut Masnor bin Mansor juga penekanan isu berkaitan hukum hakam agama diselangi hujah yang tepat berdasarkan al-Quran-dan al-Sunnah disampaikan oleh sesetengah ustaz sering menjadi tumpuan masyarakat seperti di masjid Nurul Iman Sabindo Papar.²⁶ Dalam konteks artikel JHEAINS pula penekanan berkaitan isu aqidah, isu kesalahan jenayah, perkembangan dakwah JHEAINS, Isu kekeluargaan, Isu berkaitan penceraian, isu berkaitan dengan perkara asas agama dibincangkan. Najion bin Jamil menjelaskan lagi isu-isu ini sentiasa dibaca dan dijadikan di rujukan masyarakat terutama saudara baru.²⁷ Manakala Yuliana binti Mohd Yunus menjelaskan pihak pendakwah JHEAINS pula sering menekankan isu-isu semasa. Isi berkaitan kaedah menyelesaikan masalah isu semasa seperti masalah buang anak, penceraian, keruntuhan akhlak dan lain-lain dibincangkan bagi mengelak isi-isu ini berleluasa.²⁸ Ab Aziz Mohd Zin dalam Dakwah Islam di Malaysia menjelaskan pemilihan isi yang sesuai akan membari maklum balas yang baik terhadap sasaran dan pemilihan isi dakwah yang tidak tepat akan mencetuskan pelbagai kontroversi dalam usaha dakwah yang dilakukan.²⁹

v. Metode Penceritaan. Menurut Mohd Hairuddin Johari, metode ceramah yang digunakan dalam ceramah-ceramahnya banyak menimbulkan kesedaran daya tarik yang tinggi dalam kalangan masyarakat. Penceritaan tentang kisah hidup Rasulullah (S.A.W), Nabi-Nabi (A.S) yang terdahulu, para sahabat dan salafussoleh dapat menarik minat masyarakat ke

7 Zubaidah binti Jamali (Ketua Nazir Bahagian Pendidikan Jabatan hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), dalam temubual dengan penulis, 10 November 2014.
8 Hamdani bin Omar (Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri JHEAINS Papar), dalam temubual dengan penulis, 14 November 2014.
9 Aslina Hj Masri (Guru Besar Sekolah Agama Negeri JHEAINS Buang sayang, Papar), dalam temubual dengan penulis, 12 November 2014.
10 Awang Omar bin Gana (Pengetua Sekolah Menengah Agama Toh Puan Hajah Rahmah), dalam temubual dengan penulis, 14 November 2014.
11 Siti Nur Fadzilah binti Mat Lin (Guru Agama Sekolah Agama Negeri Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah Pengalat Besar), dalam temubual dengan penulis, 11 November 2014.
12 al-Amin bin Majok, (Penolong Pengarah Unit Ta'mir Masjid Negeri Sabah, Bahagian Pentadbiran Wilayah dan Daerah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) dalam temubual dengan penulis 17 November 2014.
13 Azizee Hasan, 2011, hlm. 55
14 Masnor bin Mansor (Pegawai Bahagian Pentadbiran Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah daerah Papar) dalam temu bual dengan penulis 4 November 2014.
15 Abdul Razak bin Abdul Rahman (Pengerusi Masjid Nurul Iman Sabindo, Papar) dalam temubual dengan penulis 14 November 2014.
16 Jaafar bin Abdullah (Imam Masjid Daerah Papar) dalam temubual dengan penulis 18 November 2014
17 Masnor Bin Mansor (Pegawai Bahagian Pentadbiran Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah Daerah Papar) dalam temu bual dengan penulis 4 November 2014.

18 Azizee Hasan, 2011, hlm. 66
19 Zubaidah binti Jamali (Ketua Nazir Bahagian Pendidikan Jabatan hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), dalam temubual dengan penulis, 10 November 2014.
20 Najion bin Jamil (Pegawai Jabatan hal Ehwal Agama Islam Bahagian Penyelidikan dan Informasi), dalam temubual dengan penulis, 30 Oktober 2014.
21 Zalloha binti Ahmad (Timbalan Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) dalam temubual dengan penulis 5 November 2014.
22 Siti Khajar @ Hajar binti Makmud (Penolong pengarah, pendaftar PPR Unit Runding Cara JHEAINS) dalam temu bual dengan penulis 28 Oktober 2014.
23 Najion bin Jamil (Pegawai Jabatan hal Ehwal Agama Islam Bahagian Penyelidikan dan Informasi), dalam temubual dengan penulis, 30 Oktober 2014.
24 _____, "*Mimbar 2003 Koleksi Khutbah Jumaat, Khutbah Idul Fitri dan Idul Adha*," (Sabah : Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah, 2003) 1-349
25 Muhammad bin Sa'ad bin Syaqr, 2012, hm. 91
26 Masnor bin Mansor (Pegawai Bahagian Pentadbiran Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah Daerah Papar) dalam temu bual dengan penulis 4 November 2014.
27 Najion bin Jamil (Pegawai Jabatan hal Ehwal Agama Islam Bahagian Penyelidikan dan Informasi), dalam temubual dengan penulis, 30 Oktober 2014.
28 Yuliana binti Mohd Yunus (Pegawai Unit Runding Cara JHEAINS) dalam temu bual dengan penulis 28 Oktober 2014.
29 Ab Aziz Mohd Zin et al, 2006, hlm. 101.

arah mencontohi akhlak Islamiah.³⁰ Manakala Jaafar bin Abdullah pula menerangkan kaedah penceritaan dalam ceramah digunakan dalam kebanyakan kuliah dan ceramah di masjid dan lebih kerap lagi pada bulan-bulan tertentu seperti Rabiul awal, Muharram dan Ramadhan. Beliau turut menjelaskan metode ini banyak memberi ingatan dan pedoman kepada masyarakat.³¹ Kuliah dan ceramah yang diselitkan unsur cerita sangat bersesuaian dengan pendekatan kisah yang diperhatikan daripada al-Quran dan al-Sunnah. Kisah-kisah para nabi dan orang soleh dalam menghayati ajaran yang betul mendapat balasan yang baik dan orang-orang yang jahat, tamak, gila kuasa dengan gambaran yang buruk membinasakan diri mereka.³² Abdul Ghafar Hj Don menjelaskan kaedah penceritaan dalam mendidik masyarakat penting diterapkan agar mereka dapat mengambil iktibar daripada kisah-kisah yang lalu. Menurut beliau lagi kaedah ini boleh menghindari perasaan jemu dan unsur pendidikan dapat diserap secara halus serta berkesan dalam memberi kefahaman kepada sasaran.³³

vi. Metode Soal Jawab Secara Langsung. Metode Soal Jawab secara langsung juga merupakan metode yang diaplikasi oleh para pendakwah JHEAINS. Menurut Mohd Hairuddin bin Johari, bagi memastikan masyarakat memahami perbincangan, di masjid para penceramah JHEAINS selalu membuka peluang pertanyaan. Pertanyaan tersebut dijawab secara spontan berdasarkan al-Quran dan Hadis serta pandangan ulama berkaitan dengan tajuk perbincangan. Metode ini juga turut dilakukan oleh unit nikah dan cerai JHEAINS. Pengaplikasian metode melalui soal jawab ini dapat memudahkan pendakwah mengetahui persoalan sasaran, permasalahan sasaran, tahap pemahaman sasaran akan sesuatu ilmu yang disampaikan bahkan memudahkan pendakwah menyediakan maklumat yang dikehendaki dan menjawab persoalan yang timbul. Ini menepati pandangan Abdul Karim Zaydan yang menjelaskan cara dakwah yang berjaya itu bermula dengan kepastian penyakit yang dialami oleh sasaran kemudian mengetahui apa ubatnya.³⁴

vii. Metode Melalui Bahasa yang Mudah dan Jelas. Para pendakwah JHEAINS menggunakan bahasa percakapan yang mudah dan jelas. Mohd Hairuddin bin Johari menjelaskan Para pendakwah JHEAINS sering perkataan yang mudah dan jelas dalam kuliah mereka. Menurut beliau penggunaan bahasa yang mudah jelas dapat dilihat apabila para pendakwah JHEAINS tidak banyak menggunakan istilah-istilah pelik dan berbelit-belit. Sekiranya penggunaan istilah terpaksa digunakan para pendakwah selalunya memberi maksud yang bersesuaian dalam bahasa yang mudah difahami.³⁵ Manakala Masnor bin Mansor menjelaskan penceramah JHEAINS menggunakan bahasa yang mudah dan jelas terutama apabila memberi penerangan atau kuliah terhadap saudara kita atau pelajar-pelajar sekolah. Beliau juga menjelaskan perkataan yang mudah dan jelas digunakan bagi mengelak salah faham dan kekeliruan. Selain itu Masnor bin Mansor juga menjelaskan sesi soal jawab di peringkat akhir kuliah atau ceramah sangat membantu menghilangkan kekeliruan³⁶ Bagi sesetengah program atau kuliah seperti bahtera kasih, sah nikah sah nasab dan seumpamanya Yuliana binti Mohd Yunus menjelaskan pihak JHEAINS menyediakan artikel ringkas atau nota-nota padat. Beliau juga menjelaskan di sesetengah masjid, pihak masjid menyediakan bahan-bahan pengajian iaitu teks atau nota tertentu untuk kegunaan kelas tertentu seperti kelas saudara baru dan pengurusan jenazah. Penyediaan nota-nota padat atau artikel bertujuan memudahkan masyarakat memahami isi-isi yang disampaikan.³⁷ Sehubungan dengan pengkaji berpandangan JHEAINS telah mengaplikasikan metode melalui bahasa yang mudah dan jelas dengan baik sesuai dalam *uslub* dakwah. Abdul Karim Zaidan menjelaskan pendakwah mestilah berucap dengan ucapan yang mudah difahami kerana pendengar tidak mempunyai tahap dan kemampuan ilmu yang sama. Menurut beliau lagi jika pendakwah memilih bahasa yang mudah difahami dan ringkas ia akan lebih memberi manfaat kepada semua pendengar.³⁸

viii. Metode Perbandingan dan Perumpamaan. Para pendakwah JHEAINS juga menggunakan perumpamaan dalam pengucapan. Perkara ini dijelaskan oleh Abdul Rahman bin Ismail bahawa dalam ceramah yang disampaikan pendakwah sering kali memberi contoh-contoh, analogi atau perbandingan bagi memberi kefahaman yang jelas kepada mereka. Menurut beliau lagi perbandingan yang dibuat adalah seperti peribahasa atau kala-kata ulama dapat membuka pemikiran mereka memahami sesuatu maklumat.³⁹ Sehubungan dengan itu pengkaji mendapati hal yang sama bertepatan dengan

30 Mohd Hairuddin bin Johari, Pengkuliah Mingguan (Masjid Nurul Iman Sabindo, Papar) dalam temubual dengan penulis 14 November 2014.

31 Jaafar bin Abdullah (Imam Masjid Daerah Papar) dalam temubual dengan penulis 18 November 2014

32 Ahmad Asnawi Hj Hassan, Fariza Md Sham, Berhanundin Abdullah, "*Dakwah Islamiah*," (Bangi : Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM), 147

33 Abdul Ghafar Hj Don, 2006, hlm. 102.

34 Abdul Karim Zaidan,1976, hlm. 404.

35 Mohd Hairuddin bin Johari, Pengkuliah Mingguan (Masjid Nurul Iman Sabindo, Papar) dalam temubual dengan penulis 14 November 2014.

36 Masnor bin Mansor (Pegawai Bahagian Pentadbiran Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah Daerah Papar) dalam temu bual dengan penulis 4 November 2014.

37 Yuliana binti Mohd Yunus (Pegawai Unit Runding Cara JHEAINS) temu bual dengan penulis 28 Oktober 2014.

38 Abd Karum Zaidan, 2002, hlm. 529.

39 Abdul Rahman bin Ismail (Imam Masjid Sungai Padang , Papar Sabah) dalam temu bual dengan penulis 21 November 2014.

pendapat Ab Aziz Mohd Zin yang menjelaskan ajaran agama dalam bentuk perbandingan memudahkan masyarakat memahami mesej dan maksud yang hendak disampaikan bahkan ianya menarik dapat mempengaruhi sasaran.⁴⁰

HASIL ANALISIS DESKRIPTIF PENERIMAAN MASYARAKAT KADAZANDUSUSN TERHADAP METODE DAKWAH JHEAINS

Seramai 360 responden masyarakat Kadazandusun telibat dalam kajian ini. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 158 responden (43.9 %) adalah responden lelaki manakala 202 responden (56.1 %) adalah responden perempuan.Manakala dalam konteks umur pula, taburan menunjukkan15 hingga 20 tahun mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 102 responden (28.3 %) diikuti 87 responden (24.2%) berumur 41 tahun ke atas. Manakala 55 responden (15.3%) berumur 21-25, 52 responden (14.4%) berumur 36-40, 35 responden (9.7 %) berumur 31-35 dan 29 responden (8.1%) berumur 26-30. Manakala dalam konteks status perkahwinan pula, kajian menunjukkan 49.4% responden berstatus bujang diikuti 45.3 % berstatus berkahwin dan 5.3 % berstatus duda atau janda terlibat dalam kajian ini.

Jadual A1: Jadual Analisis Penerimaan Responden						
Bil	Perkara	STS	TS	TP	S	SS
1	JHEAINS mempunyai kakitangan yang mampu memberi nasihat dalam masalah agama dan kekeluargaan Islam	0 (0.0%)	10 (2.8%)	68 (18.9%)	189 (52.5%)	93 (25.8%)
2	Program yang dilaksanakan tidak mengganggu kerja harian	1 (0.3%)	8 (2.2%)	69 (19.2%)	203 (56.4%)	79 (21.9%)
3	Saya suka pendakwah JHEAINS membincangkan tajuk-tajuk yang diperlukan masyarakat.	1 (0.3%)	3 (0.8%)	18 (5.0%)	180 (50.0%)	158 (43.9%)
4	Saya berpuas hati Pendakwah memilih Isi-isi yang lengkap dan dalil-dalil yang jelas	0 (0.0%)	4 (1.1%)	30 (8.3%)	206 (57.2%)	120 (33.3%)
5	Penggunaan kaedah perbandingan/ analogi dan kaedah penceritaan menarik minat saya	0 (0.0%)	5 (1.4%)	53 (14.7%)	179 (49.7%)	123 (34.2%)
6	Bahasa yang mudah dan jelas merupakan faktor kejayaan pengajaran/pendakwahan JHEAINS	0 (0.0%)	2 (0.6%)	23 (6.38%)	175 (48.6%)	160 (44.4%)
7	unsur jenaka dan kesenian seperti nyanyian dalam pengajaran menjadikan saya tidak bosan dengan pembelajaran	0 (0.0%)	15 (4.2%)	40 (11.1%)	180 (50.0%)	125 (34.7%)
8	Perwatakan baik pendakwah JHEAINS menarik minat saya untuk belajar	2 (0.6%)	8 (2.2%)	36 (10.0%)	155 (43.1%)	159 (44.2%)

Jadual A1 menunjukkan 186 responden (52.5%) bersetuju dan 93 responden (25.8%) menjawab sangat bersetuju JHEAINS mempunyai kakitangan yang mampu memberi nasihat dalam masalah agama dan kekeluargaan Islam. Ini menunjukkan metode pemilihan pendakwah dan pemerksaan pendakwah Berjaya melahirkan pendakwah mampu memberi nasihat dalam masalah agama. Hasil kajian juga menunjukkan 203 responden (56.4%) menjawab setuju 79 responden (21.9%) menjawab sangat setuju program yang dilaksanakan JHEAINS tidak mengganggu kerja harian membuktikan JHEAINS berjaya memastikan program atau pengjaran dilaksanakan sesuai dengan kehendak masa masyarakat. Hasil kajian turut menunjukkan 180 responden (50.0%) bersetuju dan 158 responden (43.9%) menjawab sangat setuju menerima dan suka pendakwah JHEAINS membincangkan tajuk-tajuk yang diperlukan masyarakat. Data penerimaan yang tinggi ini jelas menunjukkan kaedah menganalisis masalah masyarakat sebelum menetapkan tajuk sangat bertepatan kehendak masyarakat muslim Kadazandusun. Di samping itu, hasil kajian menunjukkan 206 responden (57.2%) menjawab setuju dan 120 responden (33.3%) menjawab sangat setuju terhadap item saya sangat berpuas hati pendakwah memilih isi yang lengkap dan dalil yang jelas menunjukkan penerimaan yang sangat baik. Bagi item yang kelima pula 179 responden (49.7%) bersetuju dan 123 responden (34.2%) sangat bersetuju kaedah perbandingan/analogi dan kaedah penceritaan menarik minat responden. Hasil kajian juga menunjukkan 175 responden (48.6%) bersetuju bahasa yang mudah dan jelas merupakan faktor kejayaan pengajaran dan pendakwahan JHEAINS diikuti 160 Responden (44.4%) menjawab sangat bersetuju. Manakala pada item ke tujuh, data menunjukkan 180 responden (50%) bersetuju dan 125 responden(34.7) menjawab sangat bersetuju unsur jenaka dan kesenian seperti nyanyian menjadikan saya tidak bosan dengan pembelajaran. Selain itu, hasil kajian juga 159 responden (44.2%) sangat bersetuju dan 155 responden (43.1%) bersetuju perwatakan baik pendakwah JHEAINS menarik minat saya untuk belajar.

40 Ab Aziz Mohd Zin, 2001, hm. 159

Kesimpulan

Secara keseluruhannya kajian mendapati JHEAINS memilih dan menjalankan metode dengan baik dan bersesuaian dengan penerimaan atau kehendak masyarakat Islam Kadazandusun.Keseluruhan item dalam kajian menunjukkan positif dan metode yang digunakan JHEAINS mampu menarik minat masyarakat Islam Kadazandusun kearah menjadi masyarakat islam yang taat kepada Allah S.W.T.

Rujukan

Ab Aziz Mohd Zin, “*Metodologi Dakwah,*” (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001).

Abd Karīm Zaidan, *Usūl Al-Da`wah*, (Beirūt: Maktabah Al-Manār Al-Islāmiyah,1976.

Abdul Ghafar Hj Don, *Tarbiah dalam Kaunseling Islam: Pendekatan al-Quran dalam Pembangunan Insan* dalam Fariza Md Sham, Siti Rugayah Hj Tibek, Othman Hj Talib, *Dakwah dan Kaunseling Islam di Malaysia*, (Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).

Abdul Rahman bin Ismail (Imam Masjid Sungai Padang , Papar Sabah) dalam temu bual dengan penulis 21 November 2014.

Abdul Razak bin Abdul Rahman (Pengerusi Masjid Nurul Iman Sabindo, Papar) dalam temubual dengan penulis 14 November 2014.

Abdul Munir bin Haji Ismail, *Dakwah Kepada Orang Pekak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*, (Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Universiti Malaya, 2009).

Ahmad Asnawi Hj Hassan, Fariza Md Sham, Berhanundin Abdullah, ” *Dakwah Islamiah*, ” (Bangi : Pusat Pengajian Jarak Jauh UKM), 147

al-Amin bin Majok, (Penolong Pengarah Unit Ta’mir Masjid Negeri Sabah, Bahagian Pentadbiran Wilayah dan Daerah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) dalam temubual dengan penulis 17 November 2014.

Ali Mahfuz, *Hidāyah Al Mursyidīn Ila Turūq Al-Wa`z Wa Al-Khitābah*, (Kaherah: Dār Al-I’tisam, 1979).

Aslina Hj Masri (Guru Besar Sekolah Agama Negeri JHEAINS Buang sayang, Papar), dalam temubual dengan penulis, 12 November 2014.

Awang Omar bin Gana (Pengetua Sekolah Menengah Agama Toh Puan Hajah Rahmah), dalam temubual dengan penulis, 14 November 2014.

Azizee Hasan, *Kaedah Berdakwah di Jalan Allah dari Penulis Buku Tarbiah dari Zero ke Hero*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd,2011).

Fathī Yakan, *Kayfā Nad`ū Ila Islām*, (Beirūt, 1977), 21 dalam Ab. Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah*, (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2001).

Ghazali bin Darussalam, *Keberkesanan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (Pengkhususan Pengajian Islam) di Maktab-Maktab Perguruan Malaysia*, “ Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan, Akedemi Pengajian Islam, Universiti Malaya Kuala Lumpur,(2003).

Hamdani bin Omar (Pengetua Sekolah Menengah Agama Negeri JHEAINS Papar), dalam temubual dengan penulis, 14 November 2014.

Jaafar bin Abdullah (Imam Masjid Daerah Papar) dalam temubual dengan penulis 18 November 2014

Krejcie, R. V. & Morgan, D.W., *Determining Sample Size For Research Activities, Educional and Psychological Measurement*(1970), 608-619.

Masnor bin Mansor (Pegawai Bahagian Pentadbiran Agama Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah daerah Papar) dalam temu bual dengan penulis 4 November 2014.

“Mengenai Sabah” Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Sabah, dicapai 24.2.2016, www.sabah.gov.my

Mohd Hairuddin bin Johari, Pengkuliah Mingguan (Masjid Nurul Iman Sabindo, Papar) dalam temubual dengan penulis 14 November 2014.

Muhammad bin Sa’ad bin Syaqir, “*Bimbingan Dakwah Di jalan Allah,*” (Johor Bharu: Perniagaan Jahabers, 2012).

Najion bin Jamil (Pegawai Jabatan hal Ehwal Agama Islam Bahagian Penyelidikan dan Informasi), dalam temubual dengan penulis, 30 Oktober 2014.

Syarul Azman bin Shaharuddin, *Keberkesanan Metode Dakwah Jemaah Tabligh Masjid Jame’ Bandar Baru, Sri Petaling, Kuala Lumpur, (Disertasi Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2006).*

Siti Khajar @ Hajar binti Makmud (Penolong pengarah, pendaftar PPR Unit Runding Cara JHEAINS) dalam temu bual dengan penulis 28 Oktober 2014.

Siti Nur Fadzilah binti Mat Lin (Guru Agama Sekolah Agama Negeri Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah Pengalat Besar), dalam temubual dengan penulis, 11 November 2014.

Suzanah binti Nilam (2012), *Gerakan Dakwah di Kota Kinabalu: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA)*, (Disertasi Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2012).

Yuliana binti Mohd Yunus (Pegawai Unit Runding Cara JHEAINS) dalam temu bual dengan penulis 28 Oktober 2014.

Zaloha binti Ahmad (Timbalan Pengarah Bahagian Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah) dalam temubual dengan penulis 5 November 2014.

Zubaidah binti Jamali (Ketua Nazir Bahagian Pendidikan Jabatan hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah), dalam temubual dengan penulis, 10 November 2014.